



SYARAT-SYARAT LESEN PASAR

1. Lesen ini dikeluarkan mengikut UUK Pasar (Majlis Daerah Kuala Langat) 2007.
2. Lesen ini sah laku bermula dari tarikh pembayaran sehingga 31 Disember tahun semasa.
3. Lesen ini sah laku untuk aktiviti yang dinyatakan dan tertakluk kepada perjanjian sewa premis pasar ini.
4. Waktu operasi pasar awam adalah ditentukan oleh pihak MDKL.
5. Pihak Majlis boleh tidak memperbaharui lesen sekiranya pemegang lesen tidak menjelaskan sewa bulanan gerai pasar.
6. Bekalan air hendaklah dari bekalan air awam yang dibenarkan oleh MDKL.
7. Pemegang lesen hendaklah sentiasa menjaga kebersihan kawasan gerai dan sekitarnya dalam keadaan bersih.
8. Pemegang lesen hendaklah mengadakan dan mengaturkan secara teratur tong sampah yang mencukupi dan mengikut kehendak MDKL.
9. Segala sampah hendaklah dikumpulkan dan dihantar ke tempat yang disediakan dari semasa ke semasa.
10. Pemegang lesen, pembantu dan nomini hendaklah mendapatkan pemeriksaan perubatan mengikut keperluan Kementerian Kesihatan Malaysia.
11. Pemegang lesen hendaklah menggunakan ruangan penjajaan yang ditetapkan sahaja.

12. Pemegang lesen dilarang :

- 12.1 Menyerahhak atau menyewakecil lesen/ gerai MDKL kepada mana-mana pihak.
 - 12.2 Menjual bahan jualan yang rosak atau tidak berkhasiat untuk makanan manusia.
 - 12.3 Membawa masuk kenderaan ke kawasan yang tidak dibenarkan.
 - 12.4 Meletakkan kenderaan di lokasi Punggah Memungggah melebihi tempoh yang ditetapkan.
 - 12.5 Melakukan atau menyebabkan kacauganggu, meludah, membela haiwan termasuk anjing dll.
 - 12.6 Menggunakan troli atau kereta tolak beroda besi.
 - 12.7 Mengambil pekerja orang yang mengidap penyakit berjangkit.
 - 12.8 Mengubah pemasangan pendawaian elektrik atau air.
 - 12.9 Menjalankan penjajaan di luar petak atau kawasan yang ditetapkan.
13. Pihak MDKL boleh menambah, membatal atau mengenakan apa-apa syarat yang patut untuk menguatkuaskan atau menambahbaik perlaksanaan perundangan MDKL.

PERINGATAN

****Segala arahan daripada Yang Dipertua atau mana-mana pegawai Majlis ini yang diberi kuasa hendaklah dipatuhi dari masa ke semasa.**

Disediakan Oleh :

Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Persekutaran
Majlis Daerah Kuala Langat